

# ANALISIS PENGGUNAAN TEKNOLOGI DIGITAL OLEH PELAJAR DALAM AKTIVITI PERNIAGAAN DALAM TALIAN

## *ANALYSIS OF DIGITAL TECHNOLOGY USAGE BY STUDENTS IN ONLINE BUSINESS ACTIVITIES*

Qutubuddin Buzurgoon Hassan<sup>1</sup>  
Norazlina Abdullah<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Politeknik Besut Terengganu (E-mail: [buzurgoon@polibesut.edu.my](mailto:buzurgoon@polibesut.edu.my))

<sup>2</sup> Politeknik Besut Terengganu (E-mail: [azlina@polibesut.edu.my](mailto:azlina@polibesut.edu.my))

### Article history

Received date : 2-3-2026  
Revised date : 3-3-2026  
Accepted date : 1-4-2026  
Published date : 10-4-2026

### To cite this document:

Hassan, Q. B., & Abdullah, N. & (2026). Analisis penggunaan teknologi digital oleh pelajar dalam aktiviti perniagaan dalam talian. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 9 (29), 34 – 40.

**Abstrak:** *Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap kemahiran digital untuk berniaga dalam kalangan pelajar dan hubungannya terhadap sikap mengambil peluang untuk menjalankan aktiviti perniagaan dalam talian. Sampel kajian yang dipilih adalah dalam kalangan pelajar Politeknik Besut Terengganu. Kajian ini menggunakan pendekatan berbentuk kuantitatif yang dijalankan melalui kaedah tinjauan. Teknik pensampelan yang digunakan adalah melalui teknik pensampelan rawak. Data yang di kumpul akan dianalisis menggunakan analisis deskriptif untuk menentukan tahap penggunaan teknologi digital untuk melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan dalam talian dalam kalangan pelajar. Manakala analisis menggunakan regresi linear untuk menentukan hubungan antara pemboleh ubah. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kemahiran adalah pada tahap sederhana (min 3.364) dalam menggunakan media sosial untuk pemasaran dalam talian. Sementara itu, bagi sikap pelajar dalam mengambil peluang menggunakan teknologi digital untuk berniaga dalam talian, mendapati bahawa sikap mereka adalah pada tahap yang rendah. Manakala, dapatan analisis regresi linear untuk mengkaji sama ada terdapat hubungan antara kemahiran digital untuk berniaga dan sikap pelajar dalam mengambil peluang menggunakan teknologi digital untuk berniaga dalam talian. Kajian ini penting bagi kepada institusi mahupun dalam kalangan pensyarah untuk membantu pelajar menggunakan teknologi digital ke arah yang lebih bermanfaat seperti perniagaan dalam talian. Pada masa kini, hampir sebilangan besar pelajar mempunyai kemahiran dan alat teknologi digital yang baik. Justeru sangatlah rugi sekiranya mereka tidak menggunakan untuk tujuan yang boleh memberi mereka keuntungan.*

**Kata kunci:** *Teknologi digital, aktiviti perniagaan, dalam talian*

**Abstract:** *The objective of this study is to identify the level of digital skills for online business among students and its relationship with the attitude towards seizing opportunities to engage in online business activities. The study sample consists of students from Polytechnic Besut, Terengganu. This study employs a quantitative approach through a survey method. The sampling technique used is random sampling. The data collected will be analysed using descriptive analysis to determine the level of digital technology usage for engaging in online business activities among students. A linear regression analysis will also be used to examine the relationship between variables. The results of the study indicate that the level of skill is at a moderate level (mean 3.364) in using social media for online marketing. Meanwhile, in terms of students' attitude towards seizing opportunities to use digital technology for online business, the attitude is found to be at a low level. The linear regression analysis results show whether there is a relationship between digital skills for business and students' attitudes towards taking opportunities to use digital technology for online business. This study is important for institutions and lecturers to assist students in using digital technology for more beneficial purposes, such as online business. Currently, most students possess good digital skills and tools. Therefore, it would be a waste if they do not utilize these skills for purposes that can bring them profits.*

**Keywords:** *Digital technology, business activities, online*

## Pengenalan

Umumnya pelajar dari setiap peringkat memerlukan teknologi digital untuk membantu mereka dalam pembelajaran (Yaseen et al., 2025; Arifudin, (2025). Namun begitu, dunia pada hari ini menunjukkan bahawa transformasi digital terus berkembang pesat, di mana teknologi digital dan komputer tidak lagi digunakan semata-mata untuk tujuan akademik tetapi telah menjadi alat penting untuk menyokong aktiviti untuk menjana sumber-sumber pendapatan seperti melalui perniagaan dan keusahawanan dalam talian (Mirhabibi et al., 2025; Solentsova & Anokhin, 2025; Swidan & Kishk, 2026). Untuk aktiviti perniagaan dalam talian, pelajar secara amnya menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi, menggunakan komputer untuk mengurus data, mereka bentuk bahan promosi, berkomunikasi dengan pelanggan dan menjangkau pasaran yang lebih luas melalui platform digital (Junaedy et al., 2026). Oleh yang demikian, pelajar yang mempunyai kemahiran digital merupakan satu kelebihan bagi mereka berbanding pelajar yang tidak mempunyai kemahiran ini. Hasil kajian Kurniawan & Gunawan (2019) mendapati bahawa penggunaan teknologi dalam perniagaan dalam talian sangat membantu pelajar di Universiti Komputer Indonesia yang menjalankan perniagaan dalam talian mereka. Mereka menggunakan teknologi sedia ada seperti telefon pintar dan media sosial mereka sebagai media promosi, dan laman web. Mereka melihat, penggunaan teknologi dalam bidang perniagaan dapat memudahkan mereka menjalankan perniagaan dalam talian dan lebih berupaya memanfaatkan teknologi dalam dunia perniagaan.

Secara umumnya, hampir semua institusi pendidikan di Malaysia menawarkan program yang berkaitan dengan teknologi digital. Pada masa kini, bukan sahaja mereka yang mengikuti program formal mahir teknologi digital, malah pelajar yang bukan bidang teknologi digital juga dilihat boleh menguasai bidang ini melalui pembelajaran sendiri, bantuan kecerdasan buatan dan pengalaman sendiri. Namun begitu sejauh mana mereka mengambil peluang untuk menceburkan diri mereka dengan bidang perniagaan dalam talian. Oleh yang demikian kajian perlu dijalankan untuk sejauh mana hubungan antara kemahiran digital untuk berniaga dan

sikap mengambil peluang menggunakan teknologi digital untuk berniaga dalam talian dalam kalangan pelajar. Data kajian ini penting untuk merangka strategi membimbing pelajar ke arah keusahawanan digital selari dengan perkembangan digital dan perniagaan dalam talian pada hari ini.

### Objektif kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk:

- a) Mengetahui tahap kemahiran digital untuk berniaga dalam kalangan pelajar
- b) Menentukan hubungan antara kemahiran digital untuk berniaga dan sikap mengambil peluang menggunakan teknologi digital untuk berniaga dalam talian dalam kalangan pelajar

### Metodologi kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif. Sampel kajian adalah pelajar Politeknik Besut Terengganu (PoliBesut). Untuk mendapatkan data, kajian ini menggunakan soal selidik yang diedarkan melalui *Google Form*. Teknik pensampelan yang digunakan adalah pensampelan rawak kerana semua pelajar di PoliBesut mempunyai peluang untuk terlibat dalam kajian ini. Maklum balas responden akan diukur menggunakan 5-skala likert. Data yang dikumpulkan melalui soal selidik *Google Form* akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Analisis kajian yang digunakan adalah analisis deskriptif dan regresi linear. Tahap interpretasi min adalah berdasarkan skala yang digunakan oleh Ngadiman et al. (2019) iaitu: 1.00–1.99 (Lemah), 2.00–2.99 (Rendah), 3.00–3.99 (Sederhana), dan 4.00–5.00 (Tinggi). Manakala dalam regresi linear, hubungan antara pemboleh ubah akan ditentukan melalui nilai-p (p-value). P-value yang lebih kecil daripada 0.05 akan dianggap mempunyai hubungan antara pemboleh ubah bebas n dengan pemboleh ubah bersandar.

### Sorotan Kajian

Banyak kajian menunjukkan kepentingan kemahiran digital untuk perniagaan (Pereira et al., 2022; Yatskevych & Krasnostanova, 2021). Banyak perniagaan tempatan malah syarikat yang menjalankan perniagaan antarangsa juga semakin bergantung pada pendigitalan mereka. Ini penting kerana melalui kaedah atas talian, syarikat telah mengurangkan sempadan dan mengurangkan kos dengan penggunaan e-dagang, mereka juga telah mengubah cara perniagaan dijalankan (Gregory et al., 2019). Bukan itu sahaja, melalui teknologi digital, saintis data boleh mengekstrak pengetahuan pelanggan daripada sejumlah besar data yang dihasilkan oleh teknologi ini untuk menentukan produk dan perkhidmatan peribadi baharu yang diterangkan oleh Kraus et al. (Kraus et al., 2019). Menurut Iansiti dan Lakhani (2017), peluang yang diperkenalkan oleh teknologi digital seperti *blockchain* menyediakan syarikat dengan penyimpanan dan penghantaran maklumat yang telus, yang selamat dan berfungsi tanpa pihak ketiga berdasarkan kod. Oleh yang demikian, kemahiran digital ini bukan sahaja mempunyai permintaan yang tinggi di industri, malah pelajar sendiri boleh melibatkan diri secara terus dengan perniagaan dalam talian dengan cara digital. Kajian Laudon dan Traver (2021) menjelaskan bahawa platform e-dagang memainkan peranan penting dalam membantu pertumbuhan perniagaan yang dijalankan oleh pelajar, di mana dengan menggunakan platform e-dagang, perniagaan pelajar dapat mengembangkan pasaran mereka dengan lebih luas, mencapai peningkatan purata sebanyak 300% dan mengurangkan kos transaksi sehingga 40% berbanding dengan cara jualan tradisional. Ini menunjukkan bahawa e-dagang memberikan kelebihan yang besar dari segi pengembangan pasaran dan penjimatan kos. Ini menunjukkan kemahiran ini boleh membantu perniagaan dalam talian pelajar seperti yang diterangkan oleh

Tuten dan Solomon, (2018) bahawa alat pemasaran digital, termasuk platform pengiklanan media sosial dan perisian penciptaan kandungan, telah mengubah cara usahawan pelajar mempromosikan produk, melalui kandungan digital yang menarik secara visual yang mampu menarik perhatian orang lima kali ganda berbandin pengiklanan biasa.

## Hasil Kajian

### a) Latar belakang responden

**Jadual 1: Latar Belakang Responden**

Item		n	%
Jantina	Lelaki	33	54.1
	Perempuan	28	45.9
Program	Diploma Reka Bentuk Fesyen Batik	4	6.6
	Diploma Reka Bentuk Kraf	4	6.6
	Diploma Teknologi Maklumat	53	86.9
Semester	2	28	45.9
	3	7	11.5
	4	20	32.8
	5	2	3.3
	Latihan Industri	4	6.6
HPNM	2.01 - 2.99	1	1.6
	3.00 - 3.33	17	27.9
	3.43 - 3.67	22	36.1
	3.68 - 4.00	21	34.4

Jadual 1 menunjukkan latar belakang responden yang terlibat dalam kajian ini, di mana 54.1% responden adalah pelajar lelaki dan 45.9% responden pelajar perempuan. Bagi program pengajian, majoriti responden mengikuti program Diploma Teknologi Maklumat (86.9%), manakala 6.6% masing-masing mengikuti program Diploma Reka Bentuk Fesyen Batik dan Diploma Reka Bentuk Kraf. Majoriti responden iaitu 45.9% berada di semester 2, diikuti oleh 32.8% di semester 4. Dari segi prestasi akademik, hampir semua responden mempunyai keputusan akademik yang baik, di mana 34.4% memperoleh HPNM 3.68 – 4.00, 27.9% memperoleh 3.00 – 3.33 dan 36.6% memperoleh 3.43 – 3.67.

- c) Mengenal pasti tahap kemahiran digital untuk berniaga dalam kalangan pelajar dan sikap mengambil peluang menggunakan teknologi digital untuk berniaga dalam talian

**Jadual 2: Dapatan Analisis Deskriptif**

No	Item	S.P	Min	Tahap
<b>Kemahiran Digital Untuk Berniaga</b>				
D1	Mahir menggunakan media sosial untuk memasarkan produk dalam perniagaan dalam talian.	0.939	3.426	Sederhana
D2	Tahu cara menggunakan platform e-dagang seperti Shopee atau Lazada untuk menjual produk.	1.094	3.262	Sederhana
D3	Mahir menggunakan iklan digital seperti Facebook Ads atau Instagram Ads.	1.201	3.082	Sederhana
D4	Tahu cara menggunakan sistem pembayaran digital seperti PayPal atau Touch 'n Go eWallet.	0.926	4.098	Tinggi
D5	Mahir menggunakan alat analitik digital seperti Google Analytics untuk memantau perniagaan.	1.231	2.951	Rendah
	<i>Purata</i>	<i>0.847</i>	<i>3.364</i>	<i>Sederhana</i>
<b>Sikap Mengambil Peluang Menggunakan Teknologi Digital Untuk Berniaga Dalam Talian</b>				
E1	Memanfaatkan media sosial (seperti Facebook atau Instagram) untuk mempromosikan produk dalam talian.	1.335	3.131	Sederhana
E2	Mencuba menjual produk melalui platform e-dagang seperti Shopee atau Lazada.	1.454	2.770	Rendah
E3	Berkongsi gambar atau maklumat produk di kumpulan atau halaman media sosial untuk menarik pelanggan.	1.359	2.951	Rendah
E4	Menggunakan aplikasi seperti WhatsApp untuk berinteraksi dengan pelanggan mengenai produk.	1.450	3.115	Sederhana
E5	Mencari peluang untuk memasarkan produk baru atau buatan sendiri melalui perniagaan dalam talian.	1.446	2.902	Rendah
	<i>Purata</i>	<i>1.306</i>	<i>2.974</i>	<i>Rendah</i>

Jadual 2 di atas menunjukkan dapatan analisis deskriptif mengenai tahap kemahiran digital pelajar dalam aktiviti perniagaan dalam talian. Secara puratanya, tahap kemahiran adalah pada tahap sederhana (min 3.364) dalam menggunakan media sosial untuk pemasaran dalam talian. Walaupun kemahiran dalam menggunakan sistem pembayaran digital adalah tinggi (min 4.098), kemahiran dalam penggunaan alat analitik digital seperti *Google Analytics* masih

rendah (min 2.951). Sementara itu, bagi sikap pelajar dalam mengambil peluang menggunakan teknologi digital untuk berniaga dalam talian, mendapati bahawa sikap mereka adalah pada tahap yang rendah. Pelajar menunjukkan tahap sikap yang sederhana dalam beberapa aspek, seperti memanfaatkan media sosial untuk mempromosikan produk (min 3.131), serta menggunakan aplikasi seperti WhatsApp untuk berinteraksi dengan pelanggan (min 3.115). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aspek yang menunjukkan sikap yang rendah, seperti usaha untuk menjual produk melalui platform e-dagang seperti Shopee atau Lazada (min 2.770) dan berkongsi gambar atau maklumat produk dalam kumpulan media sosial (min 2.951). Secara keseluruhan, sikap pelajar terhadap peluang menggunakan teknologi digital untuk perniagaan dalam talian adalah rendah.

- d) Menentukan hubungan antara kemahiran digital untuk berniaga terhadap sikap mengambil peluang menggunakan teknologi digital untuk berniaga dalam talian dalam kalangan pelajar

**Jadual 3: Dapatan Analisis Regresi Linear**

Hubungan	S.P	Beta	Nilai-t	Nilai-p	Status
Kemahiran digital untuk berniaga → Sikap mengambil peluang menggunakan teknologi digital untuk berniaga dalam talian	0.147	0.678	7.09	0.000	Sig.

Jadual 3 menunjukkan dapatan analisis regresi linear untuk mengkaji sama ada terdapat hubungan antara kemahiran digital untuk berniaga dan sikap pelajar dalam mengambil peluang menggunakan teknologi digital untuk berniaga dalam talian. Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran digital untuk berniaga dan sikap pelajar dalam mengambil peluang menggunakan teknologi digital untuk berniaga dalam talian ( $\beta = 0.678$ ,  $t = 7.09$ ,  $p < 0.05$ ). Ini menunjukkan bahawa peningkatan dalam kemahiran digital untuk berniaga mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap sikap pelajar dalam memanfaatkan peluang perniagaan dalam talian menggunakan teknologi digital.

### Kesimpulan

Penggunaan teknologi digital oleh pelajar tidak hanya terbatas kepada aspek pembelajaran semata, malah mempunyai potensi besar dalam aktiviti perniagaan dalam talian yang boleh memberi manfaat kepada mereka. Namun, sebahagian besar pelajar masih menggunakan teknologi digital untuk tujuan yang kurang berfaedah, seperti media sosial tanpa arah tujuan yang jelas. Oleh itu, dapatan kajian ini yang menunjukkan tahap kemahiran teknologi digital mereka pada tahap sederhana, memerlukan kursus atau bengkel serta pembelajaran sendiri untuk meningkatkan kemahiran agar boleh dimanfaatkan untuk aktiviti berfaedah dan mendatangkan keuntungan seperti membuat perniagaan dalam talian secara sambilan. Begitu juga dengan sikap pelajar untuk mengambil peluang menggunakan teknologi digital dalam perniagaan juga masih rendah, di mana pelajar sendiri perlu ada motivasi untuk belajar bagaimana menggunakan teknologi digital untuk membantu mereka mencari pendapatan sampingan khususnya pelajar B40. Untuk membantu pelajar, institusi pendidikan perlu mengambil langkah proaktif seperti menyediakan latihan intensif dalam bidang keusahawanan digital dan kemahiran teknologi, mengadakan kursus khas yang memberi pendedahan mengenai manfaat berniaga dalam talian, serta memupuk sikap positif terhadap penggunaan

teknologi digital untuk tujuan produktif. Selain itu, pengenalan program mentorship dan pembimbingan daripada usahawan digital berpengalaman juga penting untuk memberi inspirasi dan dorongan kepada pelajar untuk memanfaatkan teknologi digital dalam dunia perniagaan.

## Rujukan

- Arifudin, O. (2025). Why digital learning is the key to the future of education. *International Journal of Education and Digital Learning (IJEDL)*, 3(4), 201-210.
- Gregory, G. D., Ngo, L. V., & Karavdic, M. (2019). Developing e-commerce marketing capabilities and efficiencies for enhanced performance in business-to-business export ventures. *Industrial Marketing Management*, 78, 146-157.
- Iansiti, M., & Lakhani, K. R. (2017). The truth about blockchain. *Harvard business review*, 95(1), 118-127.
- Junaedy, S. P., Alamsyah, A., Wowiling, R. I., Salindheo, R. S., & Tenouye, M. (2026). Utilization of computer technology in improving student online business productivity. *Cerdika: Jurnal Ilmiah Indonesia*, 6(3). [https://www.researchgate.net/publication/403238162\\_Utilization\\_of\\_Computer\\_Technology\\_in\\_Improving\\_Student\\_Online\\_Business\\_Productivity](https://www.researchgate.net/publication/403238162_Utilization_of_Computer_Technology_in_Improving_Student_Online_Business_Productivity)
- Kraus, S., Palmer, C., Kailer, N., Kallinger, F. L., & Spitzer, J. (2019). Digital entrepreneurship: A research agenda on new business models for the twenty-first century. *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research*, 25(2), 353-375.
- Kurniawan, B., & Gunawan, N. M. (2019, November). Utilization of Technology in Online Businesses College Students. In *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering* (Vol. 662, No. 3, p. 032059). IOP Publishing.
- Laudon, K. C., & Traver, C. G. (2021). *E-commerce 2021: Business, technology, society* (17<sup>th</sup> ed.). Pearson
- Mirhabibi, A., Shayan, A., & Sahraei, S. (2025). Improving digital entrepreneurship readiness of business students: The moderating roles of digital mindset and digital education. *The International Journal of Management Education*, 23(2), 101151.
- Ngadiman, D. W. T., Yacoob, S. E., & Wahid, H. (2019). Tahap Harga Diri Kumpulan Berpendapatan Rendah yang Berhutang dan Peranan Organisasi dalam Sektor Perladangan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 238-254.
- Pereira, C. S., Durão, N., Moreira, F., & Veloso, B. (2022). The importance of digital transformation in international business. *Sustainability*, 14(2), 834.
- Solentsova, E. A., & Anokhin, E. S. (2025, May). Digital Technologies in Student Entrepreneurship. In *International Scientific Conference Digital Future: Science, Education, and Innovative Development of Socio-Economic Systems* (pp. 216-223). Cham: Springer Nature Switzerland.
- Swidan, A., & Kishk, A. A. (2026). The impact of technology on modern day entrepreneurship. *European Journal of Economic and Financial Research*, 10(1).
- Tuten, T. L., & Solomon, M. R. (2018). *Social media marketing* (3rd ed.). SAGE Publications
- Yaseen, H., Mohammad, A. S., Ashal, N., Abusaimh, H., Ali, A., & Sharabati, A. A. A. (2025). The impact of adaptive learning technologies, personalized feedback, and interactive AI tools on student engagement: The moderating role of digital literacy. *Sustainability*, 17(3), 1133.
- Yatskevych, I. V., & Krasnostanova, N. E. (2021). Digital technologies in business. *Economic Bulletin of the National Mining University scientific journal*, 73(73), 38-44.